

**KUANG GUNUNG**  
Crested Argus

FAMILI: Phasianidae  
NAMA SAINTIFIK: *Rheinardia ocellata*



**CIRI-CIRI**

Seperti burung Kuang Raya, *Argusianus argus*, burung ini juga agak besar dengan ukuran 190-239 cm panjang bagi individu jantan, manakala bagi individu betina pula adalah di antara 74-75 cm panjang. Pada burung ini, terdapat jalur berwarna putih pada bahagian atas mata seperti kening mata. Warna bulu adalah coklat kehitaman dengan bintik-bintik kecil berwarna putih dan ekor yang panjang. Terdapat jambul pada jantan dan betina yang berwarna coklat kehitaman dan putih pada bahagian atas kepala yang jatuh ke belakang.

**MAKANAN**

Ia memakan serangga, invertebrata, biji-bijian, pucuk tumbuhan, buah-buahan yang jatuh dan lain-lain bahan tumbuh-tumbuhan.

**HABITAT**

Ia mendiami kawasan hutan kekal hijau seperti hutan dipterokap dari paras 790 m hingga ke ketinggian 1,100 m di Semenanjung Malaysia.

**BUNYI**

Burung ini membuat tempat tarian "dancing floor" bagi tujuan mengawan dan menarik perhatian betina sehingga kawasan tarian ini menjadi botak. Selain itu, ia mengeluarkan bunyi yang kuat iaitu *woo'o-wao* atau *wuuua-wao* yang bergema dan mendayu-dayu.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah dari bulan April hingga Ogos setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina di atas tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.  
CITES, appendix 1.